

**Proses Tender Jualan Saham GLC Adil - Najib  
Bernama  
18 Mac, 2012**

SHAH ALAM, 18 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak hari ini berkata proses tender bagi penjualan saham syarikat-syarikat berkaitan kerajaan (GLC) adalah adil dan objektif.

"Kita sedang belajar daripada apa yang kita lakukan dahulu. Kita kena buat proses penilaian yang lebih telus, lebih objektif.

"Pada peringkat awalnya kita kaji betul-betul, (bila) sudah puas hati baru kita bagi (beri)," katanya pada majlis bersama lebih 800 pesara pegawai kanan kerajaan di sini.

Najib mengulas ucapan aluan wakil pesara terbabit Datuk Zainal Abidin Nordin iaitu bekas ketua setiausaha Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, yang mahu kepentingan Bumiputera terpelihara termasuk dalam soal penjualan saham GLC.

Bagaimanapun, Najib berkata proses penilaian pembida saham syarikat GLC tidak menjamin kemungkinan berlakunya kegagalan namun sekurang-kurangnya proses tersebut adalah lebih telus dan objektif.

Najib menjelaskan saham GLC bukan dijual kepada sebarang orang kerana hanya pihak yang paling layak dalam kalangan pembida akan berjaya.

"Kita pun tahu jangan bagi banyak sangat kepada seorang dua, tak boleh. Tapi Alhamdulillah cara seperti ini (melalui tender) setakat ini baik," katanya.

Beliau menarik perhatian bahawa agenda membela ekonomi Bumiputera perlu diteliti berikutan kelemahan yang berlaku sebelum ini.

Namun, katanya, kelemahan itu bukannya disebabkan kesalahan usahawan dulu tetapi kerana krisis kewangan yang tidak diduga menyebabkan syarikat besar terjejas.

"Kerajaan terpaksa memulihkan syarikat (berkenaan). Pada saya, kalau letak harapan kita pada satu dua individu sahaja tak boleh. Kita mesti beri kepada Bumiputera yang layak dan mampu atas dasar merit, bukan kenalan kita tapi orang yang terbukti pencapaiannya boleh dilonjakkan ke tahap lebih tinggi," katanya.

Najib berkata kerajaan perlu membantu mereka yang benar-benar layak dan berdaya maju untuk dibantu, bukannya golongan 'rent seekers' yang mencari keuntungan mudah.

Najib berkata kapasiti masyarakat Bumiputera yang sebenar perlu dibangunkan tanpa perlu meminta surat sokongan daripada pemimpin dan sebagainya.

Beliau berkata polisi kerajaan dalam membantu Bumiputera sudah betul tetapi ada yang tidak kena daripada segi pelaksanaannya.

Beliau berkata pelaksanaan agenda Bumiputera perlu dibuat melalui usaha membangunkan usahawan dan tokoh korporat Bumiputera yang berdaya maju dan berkemampuan untuk bersaing.

Najib berkata usaha menjadikan Malaysia negara maju menjelang 2020 merupakan cabaran besar yang dihadapi beliau sejak menjadi perdana menteri, dan menegaskan Malaysia memerlukan satu model ekonomi dan pakej baru yang sesuai untuk mencapai hasrat itu.

Beliau menjelaskan negara memerlukan pertumbuhan ekonomi sekurang-kurangnya antara lima dan enam peratus setahun bagi menjana kekayaan negara yang akan menjadikan Malaysia negara maju.

Najib menarik perhatian bahawa dasar transformasi kerajaan tidak akan tercapai melainkan negeri-negeri di bawah pemerintahan pakatan pembangkang termasuk Selangor, kembali diperintah Barisan Nasional (BN).

Dalam pada itu, perdana menteri berkata beliau menghargai bekas pegawai kanan kerajaan yang tetap bersama BN dan meminta mereka untuk bersama menolong kerajaan selain menjadi 'jurucakap' parti.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=653075>